

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

MYIPO MENGANUGERAHKAN GERAN DANA PEMFAILAN HARTA INTELEK BERJUMLAH RM428,697 KEPADA 1,181 PENERIMA

PUTRAJAYA, 13 September 2022 – Hari ini saya bersama Yang Berhormat Dato' Rosol Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta pegawai-pegawai Pengurusan Tertinggi bersama warga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta agensi-agensi di bawahnya seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan edisi Bulan September 2022 yang dihoskan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Sektor Barang Kawalan dan Subsidi di Dewan Serbaguna KPDNHEP, Putrajaya.

2. Pada majlis hari ini, MyIPO telah menyampaikan Dana Pemfailan Harta Intelek kepada **lima (5) orang penerima yang mewakili 1,181 penerima dengan jumlah geran bernilai RM 428,697.00**. Dana Pemfailan Harta Intelek 2.0 merupakan geran pembiayaan pemfailan harta intelek berjumlah RM4 juta bagi tempoh empat tahun, di mana RM1 juta diperuntukkan setiap tahun yang bermula pada tahun ini hingga 2025 di bawah Rancangan Malaysia ke-12.

3. Kementerian menyeru supaya lebih ramai usahawan tampil memanfaatkan tawaran Dana Pemfailan Harta Intelek ini bagi memperolehi hak eksklusif ke atas jenama, reka cipta, reka bentuk, dan karya yang mereka cipta dan miliki. Usahawan juga perlu memastikan harta intelek yang didaftarkan dieksploitasikan seoptimum mungkin agar dapat menjana pulangan yang maksimum terhadap pelaburan yang telah dibuat.

4. Selari dengan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula November depan, saya telah mengarahkan bahagian-bahagian berkenaan dan Pejabat KPDNHEP Negeri untuk bersiap sedia dalam memastikan bekalan barangan keperluan sentiasa mencukupi terutama di negeri-negeri yang dijangka terjejas tanpa memberi kesan yang tinggi terhadap harga barang-barang keperluan tersebut. Pegawai-pegawai akan memaklumkan kepada saya strategi yang akan diambil samada dari segi peningkatan stok mahupun perancangan logistik pengedaran ke negeri-negeri tersebut.

5. Di masa yang sama, saya telah mengarahkan Sekretariat Food Bank Malaysia dan Rakan-Rakan Strategiknya untuk meningkatkan pengumpulan bahan-bahan makanan kering dan makanan bermasak yang telah diproses melalui teknologi retort untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan yang terjejas dengan musim tengkujuh akan datang.

YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Putrajaya, 13 September 2022

#End#

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampakan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

